

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 15 DISEMBER 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 21

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1243-L13227
Puan Doris Brodie minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian terkini inti pati NKRA yang ke-7 iaitu menangani kos sara hidup yang telah dilancarkan baru-baru ini.
2. PN-1243-L13545
Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan status terkini projek pembangunan Plaza Rakyat di Pudu Sentral.
3. PN-1243-L13335
Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah dakwaan 40 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang mencatatkan kerugian terbesar sebanyak RM0.71 bilion, termasuk syarikat pengendali pengangkutan awam, Syarikat Prasarana Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Aset Global Network Sdn. Bhd. dan apakah langkah-langkah strategik untuk memastikan GLC terus bersaing di peringkat global.
4. PN-1243-L13483
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil terhadap gejala-gejala ajaran atau fahaman atau ism yang sedang menular dalam masyarakat seperti hubungan atau perkahwinan sejenis dan seks bebas.
5. PN-1243-L13550
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada pemaju perumahan berhak untuk memaksa pembeli rumah agar bersetuju untuk tidak menuntut pampasan lewat serah kunci sebagai syarat untuk menyiapkan rumah-rumah yang terlewat dari tarikh yang dinyatakan dalam perjanjian jual-belinya.

6. PN-1243-L13678

Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk memberi subsidi kepada bas sekolah dengan ini tambang bas sekolah dapat dikurangkan dan seterusnya mengurangkan bebanan kepada ibu bapa yang mempunyai ramai anak yang menggunakan perkhidmatan bas sekolah ini.

7. PN-1243-L13725

Tuan Boon Som a/l Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah persiapan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara bagi menghadapi kemungkinan banjir besar melanda enam negeri di Semenanjung, termasuk Perlis dan Kedah.

8. PN-1243-L13177

Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) statistik hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat bagi tempoh lima tahun yang lepas dan apakah tindakan Kerajaan Pusat untuk mengutip balik hutang-hutang ini; dan
- (b) berapakah rizab yang dimiliki setiap negeri untuk tempoh lima tahun yang lepas.

9. PN-1243-L13205

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian bagi membasmi kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja ladang terutamanya kaum India dan nyatakan langkah-langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah tersebut.

10. PN-1243-L13255

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara dari tahun 2000 sehingga tahun 2011 dan perbelanjaan Kerajaan dalam memulihkan semua projek tersebut.

11. PN-1243-L13150

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyediakan sekurang-kurangnya lima juta pekerja berkemahiran tinggi untuk mencapai taraf negara maju pada tahun 2020.

12. PN-1243-L13824

Tuan Lee Cheam Choon minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan selama ini sekolah menengah jenis kebangsaan yang kebanyakannya pelajar-pelajarnya terdiri daripada kaum Cina yang tidak mendapat bantuan sepenuhnya daripada pihak kerajaan. Pihak Kementerian sepatutnya menggariskan bentuk bantuan yang sepatutnya diberikan kepada sekolah-sekolah seperti ini sama seperti yang diberikan kepada sekolah menengah kebangsaan.

13. PN-1243-L13415
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jenis kawalan yang dijalankan oleh Kementerian terhadap penubuhan pasar raya besar (*hypermarket*) yang baru demi menjaga kepentingan peruncit-peruncit kecil.
14. PN-1243-L13128
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai produk daripada hasil R&D dan inovasi institusi pengajian tinggi tempatan yang berjaya dikomersialkan di dalam dan luar negara.
15. PN-1243-L13471
Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah caj cukai perkhidmatan enam peratus terhadap pengguna perkhidmatan talian telefon prabayar yang dikuatkuasakan 15 September 2011 lalu dipatuhi oleh empat syarikat pengendali utama telekomunikasi di negara ini memandangkan ada peniaga yang menjual kad tambah nilai mengenakan bayaran tambahan.
16. PN-1243-L13084
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah program pemahaman dan informasi terhadap cukai perkhidmatan (GST) kepada rakyat di jalankan setakat ini bagi memastikan rakyat benar-benar faham kebaikan dan kepentingan GST bagi membolehkan ianya dilaksanakan selewat-lewatnya tahun 2013.
17. PN-1243-L13351
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi mengatasi masalah lambakan dan penjualan barang tiruan di negara ini dan sejauh manakah kejayaan skim '*Basket of Brands*' (BOB) dalam membantu syarikat yang ingin melindungi jenama mereka daripada diciplak.
18. PN-1243-L13112
Datuk Maijol bin Mahap minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah saiz ekonomi negara masa kini dan berapakah hutang negara serta peratusnya berbanding dengan GDP negara, dan tidakkah bajet defisit negara yang berterusan akan menyebabkan kita berbelanja lebih daripada apa yang kita mampu setiap tahun.
19. PN-1243-L13800
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menerbitkan struktur kos kepada bahan-bahan makanan dan barang pengguna yang dikawal harganya seperti harga ayam dan seumpamanya untuk membantu rakyat menilai kewajaran para peniaga menaikkan harga barang pengguna yang semakin meningkat dan dijangka terus meningkat sejajar dengan pelaksanaan rasionalisasi subsidi di bawah Model Baru Ekonomi.

20. PN-1243-L13370
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan kesinambungan kenaikan pangkat tidak dipengaruhi oleh umur wajib bersara kepada 60 tahun di mana terdapat dakwaan peluang untuk golongan bawahan dinaikkan pangkat semakin tipis.
21. PN-1243-L13655
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan telah atau akan mengkaji dasar insentif atau untuk menawarkan lebih banyak rebat bagi kenderaan elektrik (EV) untuk menggalakkan rakyat Malaysia beralih kepada EV contohnya di Amerika Syarikat, Kerajaan memberi US\$7,500 cukai kredit, di China subsidi hingga US\$8,800 dan di Britain sebanyak 25 peratus diskaun.
22. PN-1243-L13891
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah persediaan yang dibuat oleh Kerajaan untuk menghadapi kemungkinan banjir besar di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.
23. PN-1243-L13303
Dr. Malasingam a/l Muthukumaru minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tahap keberkesanan *Environmental Performance Index* (EPI) dan adakah pelaksanaan ini dapat menjamin pemeliharaan alam sekitar yang setanding dengan negara maju.
24. PN-1243-L13237
Puan Doris Brodie minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan maklumat terkini berkaitan Program Bantuan 2 tahun 1Malaysia (Vitamin) untuk murid miskin:-
- berapakah jumlah sebenar yang melibatkan murid-murid miskin di Sarawak dari keseluruhan jumlah di seluruh negara; dan
 - jenis-jenis vitamin yang dibekalkan dan adakah kajian telah dibuat dalam menentukan tahap keselamatan dan kesesuaian sebelum disalurkan ke sekolah-sekolah terpilih bagi mengelakkan insiden yang tidak diingini berlaku.
25. PN-1243-L13567
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan seterusnya yang bakal diambil oleh Kementerian sekiranya *Program Returning Expert Programme* (REP) tidak mendapat sambutan. Apakah langkah-langkah dan insentif yang diberi kepada tenaga pakar dalam negara untuk mengelakkan mereka berhijrah ke luar negara.

26. PN-1243-L13472
Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pencapaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut Sistem Star Rating PBT bagi tahun 2011 dan mengapakah tidak ada PBT yang layak menerima penarafan lima bintang sejak Sistem Star Rating PBT dilaksanakan pada 2008.
27. PN-1243-L13702
Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah sijil kewarganegaraan telah dikeluarkan bagi tempoh 3 tahun ini dan di antara mereka berapakah masih lagi dalam proses untuk kelulusan, dan adakah Kerajaan akan memberi kelonggaran syarat bagi pemohon-pemohon yang gagal atas sebab-sebab teknikal khasnya mereka yang benar-benar memerlukan sijil kewarganegaraan ini khasnya yang berumur lebih dari 50 tahun dan ke atas.
28. PN-1243-L13049
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tabungan dalam skim persaraan swasta yang telah dijalankan dan bilangan pencarumnya dengan takaful dan insurans kini serta mekanisme yang diperkenalkan sebagai jaminan Kerajaan terhadap keberkesanan pelan pencegahan yang diguna pakai oleh syarikat-syarikat tersebut pada masa akan datang.
29. PN-1243-L13491
Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan peratus orang India yang memegang jawatan tinggi di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan.
30. PN-1243-L13844
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LBGT) agar mereka meninggalkan aktiviti yang tidak bermoral sebelum keadaan menjadi lebih parah.
31. PN-1243-L13437
Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tahanan pendatang asing termasuk Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang ditahan di depoh tahanan seluruh negara dan nyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi mengurangkan kesesakan di depoh tahanan imigresen seluruh negara.
32. PN-1243-L13871
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kerugian anggaran yang ditanggung oleh industri sarang burung disebabkan pengharaman import sarang burung oleh China ke negara tersebut kerana kualiti sarang burung kita yang rendah. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa produk makanan kita adalah berkualiti tinggi dan selamat untuk dimakan sebelum dibenarkan untuk dieksport ke luar negara.

33. PN-1243-L13414

Tuan Pau Chiong Ung minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) Projek Penjanaan Hidro Elektrik Bakun telah mula beroperasi, berapakah jumlah perbelanjaan yang telah pun digunakan untuk projek tersebut; dan
- (b) apakah manfaat akan diterima oleh rakyat tempatan dan berapakah kadar elektrik dikenakan kepada pelabur-pelabur asing yang menggunakan bekalan elektrik daripada projek tersebut.

34. PN-1243-L13600

Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kita masih dapat melihat dan memerhatikan, masih lagi terdapat nombor-nombor telefon pinjaman wang tidak berlesen (Ah Long) di merata-rata tempat. Sehubungan dengan itu, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam mengawal 'kemunculan' lebih banyak pemberi pinjaman wang tidak berlesen di negara ini dan adakah senario ini masih lagi di dalam kawalan pihak Kerajaan.

35. PN-1243-L13187

Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian membuat siasatan berhubung dengan laporan media bertarikh 2 Ogos 2011 yang menyatakan seramai 33 orang pelajar mengalami penderaan fizikal dan dilayan seperti banduan semasa menjalani program motivasi di Penjara Kluang, Johor dan apakah keputusan siasatan yang dilakukan.

36. PN-1243-L13245

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan identiti 800 permohonan suaka yang dipindahkan dari Australia serta kaedah-kaedah yang digunakan untuk memilih pemohon suaka yang hendak dipindahkan ke Malaysia dari Australia.

37. PN-1243-L13664

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

- (a) sektor-sektor utama yang menyebabkan pencemaran alam sekitar di Malaysia; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan *Carbon Pollution Tax* seperti yang akan dikuatkuasakan di Australia mulai 1 Julai 2012 yang mana syarikat-syarikat yang mencemarkan alam sekitar akan dikenakan cukai US\$23.00 (RM73.60) bagi setiap tan 'carbon gases' yang dikeluarkan.

38. PN-1243-L13686

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah Kementerian memantau hotel-hotel yang beroperasi di seluruh negara di mana baru-baru ini Reggae Mansion menetapkan halangan bagi masyarakat tempatan dan beberapa warga negara asing tidak dibenarkan menempah bilik dengan alasan yang tidak masuk akal. Apakah tindakan Kementerian dalam memastikan perkara ini tidak berulang yang boleh mencemarkan imej negara.

39. PN-1243-L13638

Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah dasar pengurangan kemudaratan telah diamalkan di Malaysia dan adakah undang-undang yang berkaitan yang akan diselaraskan untuk memajukan lagi dasar tersebut.

40. PN-1243-L13585

Tuan Ahmad bin Hussin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) hasil siasatan pada awal bulan April 2011 oleh SPRM, LHDN, Bank Negara dan Jabatan Peguam Negara di bawah Operasi 3B terhadap Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang mana mengikut kenyataan akhbar oleh SPRM bertarikh 2 April 2011, telah dianggarkan sebanyak RM108 bilion setiap tahun yang sepatutnya menjadi pendapatan negara telah lesap manakala lebih daripada RM10 bilion lagi dipindahkan secara haram ke luar negara; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap 62 orang pegawai JKDM di seluruh negara yang telah ditahan kerana disyaki menerima rasuah dan terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap sejumlah RM602 juta wang dibekukan, RM382 juta disita dan RM31.2 juta dilucut hak harta.

41. PN-1243-L13135

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah punca sebenar kejadian seorang anggota polis tertembak diri sendiri di IPD Kajang pada 28 September yang lalu dan apakah tindakan yang diambil bagi mengelak kejadian tersebut berulang.

42. PN-1243-L13514

Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pesakit-pesakit terpaksa menunggu lama di hospital-hospital Kerajaan.

43. PN-1243-L13389

Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa tidak diwujudkan suruhanjaya siasatan diraja bagi menyelesaikan isu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

44. PN-1243-L13624

Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan status penduduk tetap sejak tahun 1964 yang sudah menjadi warganegara Malaysia kini, dan berdaftar sebagai pengundi sekarang. Nyatakan bilangan warganegara Bangladesh, Indonesia, Filipina, Burma dan Thailand yang diberikan kewarganegaraan kita.

45. PN-1243-L13270

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cara mana penilaian produk halal dijalankan dan adakah makmal bebas boleh digunakan untuk tujuan pemeriksaan produk halal.

46. PN-1243-L13716

Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah atlet negara menjadi tanggungjawab Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing atau Majlis Sukan Negara.

47. PN-1243-L13861

Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebab dan kriteria bagi projek yang diberi melalui Rundingan Terus, Tender Selektif, Tender Terbuka. Bagi Tender Selektif, kebiasaananya 10 kontraktor akan dipilih untuk sesuatu projek. Bagaimanakah 10 kontraktor ini dipilih.

48. PN-1243-L13438

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan tindakan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyenarai hitamkan 132,801 peminjam dapat membantu untuk mengutip tunggakan bayaran balik pinjaman PTPTN.

49. PN-1243-L13608

Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-

- (a) kedudukan terkini kewangan TNB, adakah TNB akan disusun semula (*restructure*) dan perancangan masa depan TNB; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai perancangan keperluan tenaga jangka panjang (*long-term energy security*) di Malaysia.

50. PN-1243-L13165

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan masih yakin dengan momentum pertumbuhan positif ekonomi negara di sebalik krisis fiskal baru yang berlaku di zon Euro dan persekitaran lemah di Amerika Syarikat.

51. PN-1243-L13171
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mempopularkan penggunaan tenaga solar sebagai alternatif kepada tenaga elektrik, dan apakah usaha Kementerian untuk mengurangkan kos harga panel solar dalam pasaran sekarang.
52. PN-1243-L13534
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pertengkaran di antara Kementerian dengan pihak pekerja yang membantah pindaan Akta Pekerjaan telah diselesaikan. Adakah Kementerian menjalankan perancangan-perancangan lain untuk melindungi hak dan kebajikan pekerja.
53. PN-1243-L13768
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persiapan (pegawai-pegawai penguat kuasa dan modus operandinya) untuk menguatkuasakan peraturan 'logo halal' yang diseragamkan.
54. PN-1243-L13760
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan corak dan kadar kerjasama yang diberikan oleh jabatan-jabatan Kerajaan, Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat-syarikat swasta, semasa acara Bulan Bahasa Kebangsaan berlangsung sepanjang Oktober 2011 yang lalu.
55. PN-1243-L13742
Tuan Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kemalangan membabitkan bas ekspres dan persiaran yang berlaku di negara ini dalam tempoh lima tahun lalu. Berapa ramaikah penumpang yang mengalami kecederaan serta terbunuh dalam tempoh berkenaan dan apakah punca kepada kemalangan itu serta apakah usaha-usaha yang telah dilakukan untuk menangani masalah berkenaan.
56. PN-1243-L13064
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasionalnya ISA dimansuhkan sedangkan akta yang seumpama itu dilaksanakan di negara-negara lain termasuk Singapura dan United Kingdom. Apakah Kerajaan yakin yang ISA tidak lagi berfungsi untuk menjaga ketenteraman awam dan ia telah lapuk dan tidak relevan dengan perkembangan semasa sedangkan akta berkenaan yang dapat menjadi tongkat sakti bila ketenteraman awam terancam sejak sebelum merdeka lagi.
57. PN-1243-L13776
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji elauan bulanan pelajar matrikulasi di seluruh negara sebanyak RM250 sebulan sekarang ini memandangkan jumlah ini didapati tidak mencukupi untuk sara hidup pelajar.

58. PN-1243-L13447
Dato' Muhammad Olian b. Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah benar Kerajaan menindas hak kaum minoriti sehingga wujud Program Seksualiti Merdeka kerana ingin mempertahankan dan menghormati hak golongan tersebut.
59. PN-1243-L13280
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mempertahankan atau meningkatkan kedudukan Malaysia dalam industri halal global.
60. PN-1243-L13401
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan motif Kerajaan melancarkan percubaan untuk pelaksanaan sistem waktu bekerja sembilan jam yang akan diamalkan di sekolah mulai Januari 2012 di beberapa buah negeri.
61. PN-1243-L13845
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak terhadap perniagaan KTM selepas tidak lagi beroperasi di Tanjung Pagar dan apakah pelan tindakan KTM bagi meningkatkan prestasi kewangannya secara keseluruhan.
62. PN-1243-L13775
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah Kerajaan bagi menggalakkan pengeluaran kereta tempatan bagi pembangunan dan pengeluaran kereta teknologi hijau seperti mana penghasilan kereta Proton Exora Range-Extender Electric Vehicle (REEV).
63. PN-1243-L13208
Dato' Azian bin Osman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk mengambil tindakan serta bentuk tindakan yang akan diambil terhadap warga asing yang menyebar ajaran Syiah kepada rakyat di negara ini. Apakah ianya memberi kesan kepada kemasukan warga dari negara terbatit ke Malaysia.
64. PN-1243-L13039
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pelan tindakan dalam melebarkan fungsi MARDI dan FAMA untuk menjadi rujukan universiti dan pusat kajian praktikal agar pertanian dirangsang sebagai sumber pendapatan bagi generasi muda dan menjadikan pertanian hasil eksport utama negara.
65. PN-1243-L13074
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelarian dan pecahan-pecahannya dari luar negara yang berada di Malaysia. Di manakah mereka telah ditempatkan dan apakah tindakan seterusnya yang akan dilakukan terhadap mereka.

66. PN-1243-L13883
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa jumlah pengguna yang telah mengambil manfaat dan jumlah subsidi yang telah dikeluarkan dan di laluan mana, selepas pengisytiharan bantuan kepada pengguna jalan raya bertol.
67. PN-1243-L13352
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kesan baik Kerajaan Australia yang tidak akan menyokong usaha untuk memperkenalkan undang-undang baru yang akan memerlukan produk mempunyai minyak sawit membawa label dan pengesahan sebagai produk mesra alam.
68. PN-1243-L13502
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dari tahun 2006-2011, berapakah Perintah Perlindungan Sementara (*Interim Protection Order- IPO*) dipohon oleh mangsa keganasan rumah tangga. Daripada jumlah permohonan IPO, berapakah jumlah IPO yang dipohon menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat dan peguam pemohon sendiri.

ATURAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 29/2011) Rang Undang-undang Perbekalan 2012 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.** (14 Disember, 2011)

[Kementerian Kewangan]

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan:-
 - (a) bahawa Dewan ini meluluskan ketetapan menurut Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan untuk mengungkaikan Proklamasi Darurat yang berikut:
 - (i) Proklamasi Darurat 1966 [*P.U.(A)339A/1966*] iaitu Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 14 September 1966 di Sarawak bertujuan untuk membolehkan Kerajaan menyelesaikan pertikaian politik di Sarawak;
 - (ii) Proklamasi Darurat 1969 [*P.U.(A)145/1969*] iaitu Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 15 Mei 1969 berikutan dengan rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 ; dan
 - (iii) Proklamasi Darurat 1977 [*P.U.(A)358/1977*] iaitu Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 8 November 1977 di Kelantan bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian politik di negeri Kelantan;
 - (b) bahawa Dewan ini mengambil maklum sebab Proklamasi Darurat tersebut itu diungkaikan adalah kerana keadaan darurat yang mengancam keselamatan atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam di dalam Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Proklamasi Darurat yang tersebut itu terus berkuat kuasa tidak lagi wujud masa kini;
 - (c) bahawa Dewan ini mengambil maklum kesan pengungkaian ini menurut Fasal (7) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan ialah, apa-apa ordinan yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat yang tersebut itu dan undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan semasa Proklamasi Darurat yang tersebut itu berkuat kuasa akan terhenti berkuat kuasa selepas habis tempoh enam bulan dari tarikh Proklamasi Darurat yang tersebut itu dibatalkan;
 - (d) bahawa Dewan ini mengambil maklum langkah-langkah sewajarnya perlu diambil untuk memastikan tidak timbul kesukaran atau apa-apa halangan kepada Kerajaan untuk mengawal jenayah dan perkara-perkara yang boleh menyebabkan ancaman terhadap keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam termasuklah kegiatan keganasan apabila terhentinya kuat kuasa semua ordinan yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat yang tersebut itu dan undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan semasa Proklamasi

Darurat yang tersebut itu berkuat kuasa seperti yang dinyatakan dalam perenggan (c);

- (e) bawanya Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan terungkainya Proklamasi Darurat yang tersebut itu Kerajaan tidak lagi mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Seperti yang Dewan ini sedia maklum Fasal (5) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Parlimen, walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan Persekutuan, untuk membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara jika didapati oleh Parlimen bawanya undang-undang itu dikehendaki oleh sebab darurat itu kecuali undang-undang mengenai apa-apa perkara hukum Syarak atau adat Melayu atau mengenai apa-apa perkara undang-undang atau adat anak negeri di Negeri Sabah atau Sarawak seperti yang dinyatakan dalam Fasal (6A);
 - (f) bawanya Dewan ini mengambil maklum bahawa pengunkaan Proklamasi Darurat yang tersebut itu membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa bersedia untuk melakukan pembaharuan dalam undang-undang negara supaya ia selaras dengan kehendak semasa dan mengukuhkan lagi usaha Kerajaan untuk memastikan negara ini sentiasa maju ke hadapan.
3. (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**
4. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 “
- [Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**
5. (D.R. 22/2011) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2011 “
- [Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]**
6. (D.R. 21/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011 “
- [Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]**
7. (D.R. 23/2011) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2011 “
- [Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]**

8. (D.R. 24/2011) Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]
9. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “
[Kementerian Pertahanan]
10. (D.R. 26/2011) Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 “
[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]
11. (D.R. 15/2011) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Sumber Manusia]
12. (D.R. 42/2011) Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
13. (D.R. 31/2011) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Kewangan]
14. (D.R. 32/2011) Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
15. (D.R. 33/2011) Rang Undang-undang Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
16. (D.R. 34/2011) Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
17. (D.R. 35/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

18. (D.R. 38/2011) Rang Undang-undang Perumahan Rakyat
1Malaysia 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
19. (D.R. 36/2011) Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan
(Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2011 “
**[Menteri Perumahan dan Kerajaan
Tempatan]**
20. (D.R. 43/2011) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
21. (D.R. 39/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara
Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
22. (D.R. 40/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara
Jenayah (Pindaan) 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
23. (D.R. 41/2011) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan)
2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
24. (D.R. 30/2011) Rang Undang-undang Kewangan (No. 2)
2011 “
[Kementerian Kewangan]
25. (D.R. 37/2011) Rang Undang-undang Standard Malaysia
(Pindaan) 2011 “
[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]
26. PN-1243-U13086
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-
 "Bahawa Dewan ini mengambil maklum, menyedari dan menginsafi terdapat umat Islam yang murtad semenjak mutakhir ini akibat pengaruh pelbagai kegiatan memurtadkan mereka dan menyedari bahawa :

- a) Islam adalah Risalah Ilahi yang dengan rahmatNya telah mengangkat banga Melayu dan semua bangsa yang lain dengan mesej 'rahmatan lil 'alamin'. Lantaran itu hanya dengan manghayati dan mengamalkan Islam sepenuhnya sahaja merupakan satu-satunya jalan untuk menjamin kemuliaan, keselamatan, kejayaan dan kehormatan bangsa Melayu mahupun mana-mana bangsa yang lain di negara ini.
- b) Asas pegangan umat Islam adalah akidah tauhid yang menjadi tunjang kepada seluruh pegangan hidup umat Islam dan prinsip ini tidak boleh diganggu oleh mana-mana pihak.
- c) Kedudukan istimewa dan status khas agama Islam sebagai agama Persekutuan telah ditetapkan sejak dari kemerdekaan negara ini dan ia wajib dipertahankan oleh setiap warga Muslim dan dihormati oleh semua warga Malaysia.
- d) Penyebaran agama lain daripada Islam kepada orang Islam adalah dilarang sama sekali berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Islam berpendirian tegas terhadap gejala murtad dan permurtadan dianggap jenayah berat yang perlu diperangi habis-habisan.
- e) Pelanggaran terhadap peruntukan ini boleh mengundang kepada tergugatnya keselamatan nasional dan mengundang ketegangan agama di negara ini. Maka saya menyokong sepenuhnya agar :-
 - i) Kerajaan menggubal satu Akta Murtad dengan segera bertujuan membendung gejala yang serius ini.
 - ii) Menyokong sepenuhnya deklarasi 10 perkara yang dibuat oleh Perhimpunan Sejuta Umat: Selamatkan Akidah (Himpun)Antaranya:
 - 1) Menyeru agar semua pihak menghormati dan mendokong peranan Raja-Raja Melayu untuk melaksanakan amanah sebagai ketua dan payung kepada pentadbiran Islam di negara ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri.
 - 2) Kerajaan yang memerintah baik di peringkat Pusat mahupun negeri mestilah memastikan bahawa sensitiviti yang tertinggi dalam negara ini dihormati. Sebarang bentuk pelanggaran termasuk menghina dan mencabar kedudukan Islam hendaklah berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada.
 - 3) Menuntut supaya Kerajaan dalam usaha memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hendaklah memastikan supaya undang-undang pencegahan yang tegas dan kukuh untuk memelihara kemuliaan Islam di dalam Perlembagaan dapat dimasukkan sebagai kandungan utama.

- 4) Menuntut supaya Kerajaan mengambil langkah segera menggubal undang-undang khusus untuk mencegah dan membendung gejala murtad dan kegiatan memurtadkan umat Islam selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.
- 5) Menuntut agar sistem pendidikan negara disemak semula untuk memastikan tidak ada unsur yang boleh mendedahkan pelajar kepada penghakisan akidah. Saya menggesa Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi supaya menggubal sistem pendidikan yang berpaksi kepada akidah tauhid dan penerapan akidah yang berkesan kepada pelajar-pelajar.
- 6) Meminta Kerajaan supaya mengadakan program-program penerangan yang menyeluruh dan berkesan di setiap saluran supaya masyarakat berbilang kaum dalam agama di negara kita dapat memahami Islam dan kedudukannya di dalam negara untuk menghilangkan prasangka buruk dan kekeliruan terhadap Islam.
- 7) Menyeru kepada seluruh pertubuhan politik dan bukan politik supaya meletakkan Islam sebagai agenda tertinggi yang utama melebihi kepentingan yang lain serta mengambil sikap yang serius terhadap sebarang usaha untuk mengganggu gugat kesucian Islam.
- 8) Menyeru semua institusi dalam masyarakat terutamanya ibu bapa mengambil tanggungjawab dan tugas dalam mendidik anak-anak dengan kefahaman Islam yang syumul agar dapat membenteng anak dan waris terdekat daripada terjebak di dalam aktiviti pemesongan akidah.
- 9) Menggesa Kerajaan supaya memantau dan mengawal aktiviti pihak media sama ada cetak, elektronik dan media baru. Sebarang bentuk penyiaran dan menyimpan dan menyentuh sensitiviti umat Islam dan keharmonian bernegara perlulah diambil tindakan yang tegas mengikut undang-undang negara.
- 10) Menyeru umat Islam supaya melupakan segala perbezaan fahaman politik dan lain-lain hambatan untuk bersama-sama bersatu menyongsang tugas berat mempertahankan dan menyelamatkan akidah umat dari sebarang bentuk pencerobohan. Kesimpulannya, Kerajaan dan semua pihak yang terlibat perlu bertindak secara serius dan menangani segera kesemua sepuluh deklarasi tersebut di samping mencari langkah-langkah penambahbaikan yang lain."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

27. PN-1243-U13088

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Malaysia berusaha menyelesaikan segala masalah dalaman antara Malaysia dengan negara-negara Asean di Asia Tenggara di dalam semua bidang bagi meningkatkan kemajuan ekonomi, pelajaran, sosial, kebudayaan, agama, perdagangan, persempadanan dan hubungan keselamatan serta persahabatan antara rakyat ASEAN bertujuan memakmurkan dan menyerlahkan kedudukan Asean di mata dunia."

[Menteri Luar Negeri]

28. PN-1243-U13090

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang tegas, dan berani terhadap sebarang usaha mana-mana pihak yang mengganggu-gugat keselamatan negara, ketenteraman awam dan membangkitkan isu-isu sensitif yang bertentangan dengan perlembagaan negara."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

29. PN-1243-U13197

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan menggubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkkan usul penggubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejarar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alukan Kerajaan yang tulus dan bertanggungjawab maka penggubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan memberarkan akses kepada dokumen-dokumen sesbuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan. Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius penggubalan undang-undang ini dan mengambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telah pun diperkenalkan di negara-negara Komanwel yang lain."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

30. PN-1243-U13198

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan menggubal Undang-undang Perhubungan Kaum (Race Relation Act) bagi menyingkirkan diskriminasi peringkat universiti dan matrikulasi, di dalam proses pengambilan 'tender' Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Tujuan utama undang-undang ini adalah untuk mempromosi perhubungan perkauman yang baik dan sihat di antara semua kaum di Malaysia dengan menyingkirkan ketidakseimbangan perkauman dan diskriminasi. Oleh itu, disarankan supaya Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap gejala diskriminasi dan ketidakseimbangan perkauman di dalam sektor-sektor ini. Undang-undang ini boleh dikuasakan dan diberi mandat untuk memastikan bahawa agensi-agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan, syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat 'GLC' Kerajaan dan institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) memperkenalkan program 'race equality' yang berdasarkan 'merit' di dalam semua aspek pekerjaan terutamanya di dalam aspek pengambilan tenaga kerja dan pengambilan pelajar, promotion, latihan, dan peluang pembelajaran di dalam negeri dan di luar negara. Dalam masa yang sama Kerajaan perlu menujuhkan satu Suruhanjaya Perhubungan Perkauman di bawah undang-undang ini bagi memastikan penguatkuasaan dan implementasi undang-undang perhubungan perkauman."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

31. PN-1243-U13202

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkkan usul penggubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) mengubah dan meningkatkan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.
- (ii) memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pulak 9.00 malam.

- (iii) mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) memperketat lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.
- (v) memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggi di estet, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.
- (vi) menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihan alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

32. PN-1243-U13614

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat usulan untuk mempertimbangkan kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi pelajar cemerlang, iaitu pelajar-pelajar yang mendapat tidak kurang daripada 7A di dalam SPM untuk menuntut kursus profesional seperti ACCA di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi kursus profesional sedemikian akan menunjukkan bahawa Kerajaan tidak menjejaskan cita-cita pelajar cemerlang dan akan membuka satu lagi jalan baru untuk golongan ini bagi pencapaian taraf pendidikan yang tinggi dan diiktiraf di kalangan bidang profesional sedunia."

[Menteri Pengajian Tinggi]